

SAMBUTAN MERIAH PERTANDINGAN NGAIL SANTAI MERDEKA KOPMEDIA 2025



Encik Rosli Sabarudin, Yang DiPertua Kopmedia (tengah) bersama Encik Fazleesham Mohd Yunus, Bendahari Kopmedia (dua dari kiri) bergambar bersama tiga pemenang utama berat ikan iaitu dari sebelah kiri ialah juara, Mohd Farizal Omar, Pemenang ketiga, Abdul Rahman Mohamad dan Naib juara, Rosli Misran.



Pemenang Pakaian Kemerdekaan Terbaik peserta lelaki dari kiri Adik Amir Hamzah, Encik Nik Mohd Kamal, AdikAnas Hakeem, Dibelakang mereka adalah Encik Muhamad Syakhir Mazuki, Pengurus Mesin Sabun Maira (Cawangan Selangor)



Pemenang Pakaian Kemerdekaan Terbaik daripada peserta wanita dari kanan Puan Habsah Yunus dan sebelah beliau ialah Puan Rosnah Selamat, Bersama mereka adalah Encik Muhamad Syakhir Mazuki, Pengurus Mesin Sabun Maira (Cawangan Selangor)



Peserta pertandingan sedang bergambar beramai-ramai

30 OGOS 2025 - Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68, KOPMEDIA telah menganjurkan pertandingan memancing di Kolam 3 Shafiq Sea Lion, Pelabuhan Klang dengan penyertaan lebih 151 peserta melibatkan anggota, keluarga, warga Media Prima & orang ramai. Acara diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Koperasi Media Prima Berhad, Encik Rosli Sabarudin, Bendahari ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan, Encik M. Nasir Ramli dan Pengurus Mesin Sabun Maira (Cawangan Selangor) Encik Syakhir Mazuki.

Acara ini turut menawarkan hadiah wang tunai kepada para pemenang di antaranya iaitu Juara RM3,000, Naib Juara RM1500, Ketiga RM700, Saguhati sehingga tempat ke-30 dengan nilai RM100 hingga RM500 dan 38 cabutan hadiah. tidak ketinggalan juga hadiah diberikan kepada mereka yang berpakaian Kemerdekaan yang terbaik.

Penganjuran acara ini membuktikan komitmen KOPMEDIA dalam menyediakan aktiviti bermanfaat dan santai kepada anggotanya, di samping menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam suasana penuh kekeluargaan. Acara ini akan menjadi acara tahunan buat Kopmedia dengan sambutan memberangsangkan yang diberikan pada tahun ini.

Terima kasih diucapkan kepada penaja iaitu Kerajaan Negeri Selangor, Rakyat Management Services Sdn Bhd, ANGKASA, TCE Tackles Sdn Bhd, DGS Solutions Sdn Bhd dan Mesin Sabun Maira.